



# Labour Bulletin

**Malaysian Trades Union Congress**  
**Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia**

EDISI KHAS 2017

## TINGKAT SOLIDARITI JADIKAN KKSM KONGRES KESATUAN YANG RELEVAN

**SUBANG JAYA:** .Bagi pihak Ibu Pejabat Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM), saya memanjangkan salam persaudaraan kepada semua ketika kita melengkapkan tahun pertama sejak diberikan mandat oleh persidangan perwakilan pada 30 November 2016.

Sepanjang setahun ini terdapat banyak perkembangan yang tidak dijangka dan malah ada yang mengejutkan, yang membawa kepada kesan-kesan yang disaksikan pada hari ini.

Walaupun ada usaha untuk mengganggu dan melumpuhkan pentadbiran KKSM, kita dengan bangga mahu mengatakan bahawa Tuhan memberi rahmat untuk memastikan KKSM terus ditadbir dengan bantuan beberapa pihak yang bertekad demi kepentingan kesatuan-kesatuan gabungan dan pekerja.

Kepada semua pemimpin kesatuan gabungan KKSM yang terus menghulurkan kerjasama, saya ingin merakamkan penghargaan tulus ikhlas saya dan mengharapkan agar sokongan berterusan daripada anda semua bagi merealisasikan impian dan harapan kesatuan-kesatuan gabungan dan para pekerja.

Kepada mereka yang mungkin tidak membantu atau berganding dengan saya, saya berharap selepas ini akan wujud satu semangat bermuhibah dan justeru itu, saya mempelawa anda semua untuk bekerjasama bagi menunaikan janji-janji yang telah diberikan kepada kesatuan-kesatuan gabungan dalam tempoh dua tahun akan datang. Ini merupakan langkah ke hadapan membina demi pekerja Malaysia.

Saudara/saudari, kesatuan sekerja yang efektif adalah penting untuk memperjuangkan keadilan ekonomi. Kita adalah orang-orang yang bernasib baik. Kita tahu apa yang dapat dilakukan oleh kesatuan-kesatuan sekerja, kita telah melihatnya, mengalami dan berada dalam kedudukan sekarang untuk melihat semula demi memastikan permintaan pekerja demi jaminan sekuriti ekonomi, penghormatan atau maruah dan perwakilan dalam dunia pekerjaan ditunaikan. Ia bukan satu tuntutan keterlaluan, sebaliknya hak asasi manusia yang diharapkan semua.

Saya percaya setiap pekerja dan keluarga mereka di negara yang diberkati ini wajar menikmati taraf hidup yang sewajarnya, termasuk pekerjaan, kemudahan perumahan yang mencukupi, makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan untuk anak-anak dan masyarakat yang selamat dan berkembang maju.

Saya percaya ada di antara kita yang ingin dikenang dengan baik, sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, sebagai seorang yang berfaedah dan sebagai seorang yang menyumbang kepada kemajuan kaum pekerja. Orang lain kemungkinan berbeza pendapat dengan saya, tetapi saya mempunyai harapan - di mana saya berharap hari-hari yang baik akan mengatasi yang buruk demi manfaat semua.



### MENARIK DI DALAM

- **ISU TUDUNG: PELIHARA SENSITIVITI KERJA, KATA KKSM ... m/s 3**
- **EIS IS NEW PROTECTION FOR WORKERS ... m/s 10**
- **GAJI MINIMUM RM1,800 — KE ARAH GAJI SEMPURNA ... m/s 6 & 7**
- **KKSM TUNTUT GAJI MINIMUM RM1,800 ... m/s 8**
- **KKSM EIS IS NEW PROTECTION FOR WORKERS ... m/ss 10**
- **PRESIDEN KKSM DIKURNI DARJAH KEBESARAN PAHANG, TAHNIAH DATO' ... m/s 33**
- **BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH... m/s 34-36**

*Bersambung di muka surat 2*





*Barisan kepimpinan KKSM bergambar kenang-kenangan selepas mesyuarat pertama Majlis Am awal tahun ini.*

Saya berharap kita dapat mengubah situasi ini. Kita dapat melakukan yang terbaik bagi kaum pekerja — sebagai satu pasukan yang bersatu padu, kita boleh menang dan berjaya dalam perjuangan mendapatkan keadilan. Kita boleh berada di garis depan perjuangan untuk melihat kesaksamaan, hak asasi manusia dikotakan dan kesatuan sekerja, kebebasan bersuara dan berpersatuan, hak-hak wanita, perlindungan pengguna dan alam sekitar dan pembaharuan ekonomi dan keadilan sosial untuk semua termasuk pekerja-pekerja asing. Kesatuan sekerja perlu menjadi watak utama dalam keterlibatan dan penyertaan yang menyeluruh dalam setiap aktiviti KKSM. Saya berharap kita akan dapat menjadikan KKSM satu badan induk dihormati demi memulihkan "maruah pekerja".

Bagi saya secara peribadi, perjalanan KKSM sepanjang setahun yang lalu merupakan satu tempoh yang menakjubkan. Saya sangat yakin bahawa dengan sokongan berterusan kesemua anggota Majlis Am KKSM, kita boleh merealisasikan janji-janji kita kepada kesatuan gabungan dan pekerja-pekerja di negara ini dalam semangat solidariti.

Setiap pemimpin kesatuan sekerja perlu mengelola secara teratur dan juga perlu memberi nafas baharu setiap hari dalam menangani cabaran-cabaran yang wujud. Jika tidak, kita akan bertanggungjawab terhadap kemerosotan keberkesanan kesatuan yang berterusan dan akhirnya menyebabkan ahli-ahli hilang keyakinan terhadap KKSM.

Dengan terbuka saya ingin memajukan keinginan dan hasrat untuk berbincang dengan sesiapa sahaja mengenai sebarang perkara yang anda dapati sukar untuk difahami dalam tindakan kita demi membina sebuah KKSM yang kuat atas tujuan yang dimaksudkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah berjaya dalam pelaksanaan EIS walaupun tidak dilaksanakan seperti yang kita harapkan.

Pencapaian lain dalam satu (1) tahun ini: (i) Pusat Perkhidmatan, (ii) MRC - 3 pusat dan berfungsi dengan baik, dan (iii) Pengumuman Perdana Menteri mengenai cuti bersalin tiga bulan agar dimasukkan untuk pekerja sektor swasta.

Ada banyak lagi yang perlu dilakukan. Saya yakin KKSM berjaya mengadakan keperluan-keperluan ini bagi semua pekerja di Malaysia sama ada mereka tempatan atau asing. Harapan saya — hasrat atau aspirasi dalam jangka masa lima tahun akan datang— KKSM akan dipimpin oleh seorang belia yang berkemampuan dan berintegriti serta berkemampuan untuk memartabatkan kaum pekerja. Kita akan mengenal pasti beberapa individu dan akan membina mereka untuk memimpin KKSM; memastikan pengurusan dan pentadbiran di jalankan secara profesional dan sistem pengawal wujud dalam perlembagaan KKSM. Kami sedia memberi bantuan kepada semua bahagian KKSM di peringkat negeri dan pusat ditadbir dan urus tanpa bantuan luar. Dengan kerjasama semua ahli gabungan nescaya kita akan merealisasikan bersama semua perkara di atas. Sila beri maklum balas kepada sekretariat cadangan konstruktif cara cara untuk mengubah KKSM sebagai organisasi pemberi maklumat dan membantu gabungan.

**Selamat Ulang Tahun Pertama Kepimpinan KKSM!**

**J SOLOMON**  
**SETIAUSAHA AGUNG**

*Terbitan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia*

*Wisma MTUC 10-5, Jalan USJ 9/5T, 47620 Subang Jaya, Selangor. Tel:+603-8024-2953 Faks: +603-8024-3225*

*Laman web: [www.mtuc.org.my](http://www.mtuc.org.my)*

*e-mel: [sgmtuc@gmail.com](mailto:sgmtuc@gmail.com)*

*Facebook: [MalaysianTUC](https://www.facebook.com/MalaysianTUC)*

**Editor: Sdra J. Solomon**





*Isu beberapa majikan hotel melarang pemakaian tudung menjadi perhatian baru-baru ini.—Gambar hiasan*

## **ISU TUDUNG: PELIHARA SENSITIVITI KERJA, KATA KKSM**

**MINGGUAN:** Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (Uni-MLC) mendedahkan terdapatnya aduan daripada kakitangan hotel mengenai diskriminasi terhadap pekerja wanita Islam di bahagian perkhidmatan pelanggan. Pandangan KKSM dalam hal ini?

**ABDUL HALIM:** Dalam konteks ini, hakikatnya kita telah menjadi negara majmuk dan sejarahnya bermula sejak kurun ke-14 lagi. Kemudiannya kita bergerak di atas nama Tanah Melayu dan kini memasuki pula era perjalanan kemerdekaan dan dalam dunia yang serba moden. Malaysia pula adalah sebuah negara berperlembagaan dan mempunyai agama serta bahasa rasminya sendiri.

Perkara sebegini boleh dianggap diskriminasi kerana memang jelas terdapat akta-akta yang boleh melindunginya. Sayangnya, ramai orang yang tidak faham dan tidak tahu akan wujudnya sesuatu akta itu dan menganggapnya bukan suatu diskriminasi. Sedangkan kita perlu faham bahawa diskriminasi itu memang wujud secara tidak langsung. Contohnya kalau orang Islam mendapat cuti ibadah seperti menunaikan haji atau umrah.

Dalam konteks antara pekerja dan majikan secara tidak langsung ia bukan bermakna itu cuti pergi haji atau umrah. Tetapi itu adalah apa yang perlu dilakukan oleh pekerja beragama Islam terbabit, apatah lagi Islam adalah agama rasmi negara ini. Di situ ada alasan atau keperluan dalam kes tersebut dan ia adalah suatu kelebihan bagi pihak yang terbabit.

**MINGGUAN: Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menafikan itu adalah suatu bentuk diskriminasi, sebaliknya ia lebih kepada SOP dan polisi syarikat. Apakah alasan itu boleh diterima dan tidakkah ia bertentangan dengan Perlembagaan?**

**ABDUL HALIM:** Sebagai orang yang berjawatan dalam sesebuah syarikat atau organisasi dan pada masa sama kita juga adalah orang awam, maka kita perlulah berhati-hati apabila mengeluarkan sesuatu kenyataan yang sensitif kepada khalayak. Ini kerana, negara kita ada Perlembagaan yang menghormati semua kaum dan agama.

Tetapi apabila ada masanya kita dikaitkan dengan peraturan-peraturan antarabangsa. Sedangkan pada masa sama dalam Perlembagaan kita pula ada akta-akta tertentu dan ia adalah undang-undang negara yang wajib dipatuhi. Peraturan antarabangsa itu pula adalah hanya syarat yang kita boleh sesuaikan dengan budaya di negara kita.

Misalnya, di negara-negara Arab, semua pekerja wanita yang bekerja di hotel di sana bertudung. Malah, para pramugari syarikat penerbangan seperti Emirates juga bertudung. Tiada isu pun yang timbul. Mereka tetap boleh beroperasi seperti biasa.

Dalam isu di negara ini, kita seolah-olah cuba memperkenalkan suatu budaya baharu (pekerja hotel tidak bertudung) dan apabila peraturan itu mahu dibuat maka timbul isu seperti ini.





**MINGGUAN: Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mengatakan tindakan termasuk menarik balik lesen pengusaha akan diambil ke atas hotel yang melarang pekerja wanitanya bertudung. Pada pandangan MTUC, apa tindakan sewajarnya ke atas hotel terlibat?**

**ABDUL HALIM:** Saya rasa tindakan pertama daripada pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian yang terlibat seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Kementerian Sumber Manusia. Kalau kita tidak pertimbang sudut-sudut lain ia akan memburukkan lagi keadaan dan bukan memperbaiki masalah. Dalam konteks ini, kerajaan perlu mengarahkan semua kementerian terbabit supaya memanggil pihak-pihak terutamanya persatuan-persatuan mereka supaya diberitahu akan hak-hak pekerja.

Ini kerana, para pekerja dilindungi oleh akta-akta pekerja. Sementara golongan majikan yang rapat kaitannya dengan bisnes pula dilindungi di bawah Akta Syarikat. Apabila kita panggil mereka dan ambil tindakan yang drastik ini akan menggeruhkan lagi keadaan. Situasi ini perlu diselesaikan dengan lembut tetapi dalam nada tegas. Bagi MTUC, tindakan yang akan diambil mestilah sejajar dengan kepentingan semua pihak. Contohnya, bidang perhotelan mempunyai pelbagai persatuan dipimpin oleh orang-orang yang faham akan keperluan dalam industri ini. Apabila mereka memberi teguran tentang isu larangan pekerja hotel di bahagian depan perkhidmatan pelanggan bertudung tentunya ia akan memberi kesan yang lebih positif. Apatah lagi, amalan bertudung itu memang telah menjadi amalan biasa di negara ini dan ia suatu nilai murni serta nampak lebih bersopan santun.

Dalam keadaan sektor pelancongan di negara ini yang semakin berkembang, ia tidak sepatutnya berlaku kerana akan merugikan semua pihak. Dalam trend fesyen hari ini, bertudung semakin popular dalam kalangan wanita dan kita ada bermacam-macam jenis tudung yang menarik dan trendy. Pihak hotel boleh mengenakan syarat bertudung yang menepati cara dan gaya korporat yang mereka boleh tetapkan atau fikirkan. Malangnya, golongan ini mengambil tindakan yang negatif dan memilih langkah terburu-buru seperti itu. Justeru, saya anggap pihak yang mengenakan peraturan ini dengan mengatakan ia adalah peraturan antarabangsa ternyata mereka ini golongan yang tidak matang. Isu larangan bertudung sebelum ini memang telah lama menjadi topik hangat di negara-negara Eropah seperti di Perancis dan United Kingdom yang mempunyai ramai pekerja wanita Islam yang bertudung.

Jadi apabila kes seperti itu berlaku juga di Malaysia ia tidak memberi impak yang bagus seolah-olah isu larangan bertudung seperti yang banyak berlaku di Eropah, sedangkan hakikatnya situasi undang-undang dan Perlembagaan negara kita tidak sama.

**MINGGUAN: Polisi sebegini boleh menjadi satu diskriminasi secara halus terhadap wanita Islam di sektor perhotelan. Bagaimana kita dapat membendung hal sebegini?**

**ABDUL HALIM:** Jika larangan memakai tudung ini dikuatkuasakan di hotel-hotel di negara ini sedangkan secara praktiknya golongan wanita Islam di sini memang sudah biasa bertudung, maka itu kita anggap ia sebagai suatu kesalahan yang besar kerana telah melanggar hak-hak asasi manusia. Ia tidak boleh ditangani secara umum tetapi perlu ditangani dalam pendekatan yang lebih bertanggungjawab.

Selain budaya dan cara hidup masyarakat di negara ini, Perlembagaan juga membenarkan wanita bertudung. Jelas dalam Perlembagaan juga membenarkan amalan-amalan budaya dan agama terutama Islam yang memang menjadi agama rasmi di negara ini.

Apabila ia membabitkan hak-hak sesuatu kaum di negara ini, maka ia perlu dilindungi termasuklah dalam bab wanita bertudung. Ini termasuk dalam bab diskriminasi gender. Isu seperti ini sensitif. Bagi membendung perkara itu, setiap pihak yang mahu membuat apa-apa juga kenyataan mereka haruslah memahami apa yang akan dinyatakan dan ia mestilah tidak melanggar undang-undang atau akta-akta yang ada dalam Perlembagaan.

Golongan ini biasanya ada pegawai-pegawai mereka sendiri dari Jabatan Sumber Manusia ataupun di bahagian modal insan yang boleh memberi penjelasan sebelum sesuatu tindakan dibuat. Diskriminasi seperti ini berlaku atas kebodohan pihak terbabit. Mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang budaya negara ini walaupun mereka adalah warganegara Malaysia. Orang seperti ini perlu diberi kaunseling oleh pihak yang berwajib dan golongan yang tidak faham Perlembagaan ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

Janganlah menjadikan alasan menggunakan peraturan-peraturan antarabangsa mengenai bidang perhotelan tetapi hakikatnya ia jelas melanggar Perlembagaan dan undang-undang negara ini. Saya amat berkecil hati apabila mereka menganggap tidak bersalah dalam isu ini dengan menggunakan alasan tersebut. Malah, golongan ini pula tidak mahu memohon maaf kepada rakyat Malaysia. Sudah hampir dua minggu isu ini berjalan tetapi tiada pun inisiatif ke arah itu dilakukan. Mereka langsung tidak mengeluarkan kenyataan yang menyatakan rasa kekesalan sehingga timbulnya isu itu. Malah, pihak ini tidak mengaku membuat kenyataan sedemikian. Kes seperti ini juga seolah-olah menggambarkan ada 'kekebalan' pada pihak-pihak tertentu. Sedangkan orang Melayu sejak dulu sentiasa bertoleransi dan amat menjaga sensitiviti kaum dan agama lain di negara ini. Bagi saya, diplomasi orang Melayu amat tinggi tetapi saya sedih apabila sifat yang amat baik ini tidak dihormati dan dihargai oleh pihak terlibat.

**Sumber: Mingguan Malaysia**



## GAJI MINIMUM RM1,800 — KE ARAH GAJI SEMPURNA



Ahli panel mengupas tajuk Kempen Gaji Minima Global di NUBE House pada Oktober 2017.

**KUALA LUMPUR:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) mahu gaji minimum yang diperkenalkan pada tahun 2012 dinaikkan kepada RM1,800 dengan mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat.

Setiausaha Agung Sdra J. Solomon berkata pihaknya berharap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan dasar terbaharu ini apabila membentangkan Bajet 2018 akhir bulan ini.

Sdra Solomon berkata dasar gaji minimum RM1,800 seharusnya selari dengan aspirasi kepimpinan perdana menteri yang mahu melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi.

"Selari dengan aspirasi perdana menteri menjadikan rakyat Malaysia masyarakat berpendapatan tinggi, perdana menteri mengumumkan pelaksanaan dasar gaji minimum. Tetapi kadar pada hari ini tidak memadai untuk pekerja khususnya rakyat Malaysia merasai kehidupan yang berkualiti," kata beliau.

Katanya KKSM mahu gaji minimum semasa dinaikkan sebanyak AS\$50 (sekitar RM200) seminggu atau AS\$200 (sekitar RM800) sebulan di mana ia akan membawa kepada gaji minimum yang dicadangkan RM1,800.

Selepas mengambil kira analisis ekonomi kesatuan-kesatuan sekerja di peringkat global juga memutuskan negara-negara membangun dan sedang membangun seharusnya memberi tambahan AS\$50 seminggu untuk membawa kadar gaji minimum sehingga RM1,800.

"Maklumat yang dikumpulkan KKSM sejak kebelakangan ini menunjukkan kos hidup di negara kita telah meningkat dengan kadar yang tinggi. Ini realiti pada hari ini," kata beliau.

Oleh itu kata Solomon, KKSM mahu kadar RM1,800 diperkenalkan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"KKSM telah menghantar senarai cadangan sebagai input untuk Bajet 2018, berharap ia akan diberi pertimbangan oleh Najib selaku perdana menteri dan menteri kewangan," kata beliau yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank.

KKSM telah mengadakan 1 forum berkaitan gaji minimum di ibu negara semalam. Forum itu yang memfokus perbincangan "Asia Berjuang Untuk AS\$50+ : Hentikan Ketamakan Korporat", turut mencadangkan keperluan had gaji minimum di negara ini disemak semula dengan mengambil kira pelbagai perkembangan sosioekonomi.

"Mengambil kira pendirian kepimpinan Najib yang mahu melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi, usaha awal perlu diambil untuk menaikkan gaji minimum. Ini masa yang sesuai untuk mengkaji semula gaji minimum," katanya.

Susulan gaji minimum yang dilaksanakan pada tahun 2012, gaji minimum dikaji semula dengan Perintah Gaji Minimum 2016 dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2016 ke atas semua majikan tanpa mengira bilangan pekerja. Perintah tersebut melibatkan semua pekerja di sektor swasta kecuali pekhidmat domestik (pembantu rumah) sebagaimana yang terkandung dalam Perintah Gaji Minimum 2012.





*Hadirin yang menjayakan Kempen Gaji Minima Global di NUBE House pada Oktober 2017.*

Melalui Perintah Gaji Minimum 2016, kadar gaji minimum ditetapkan mengikut wilayah iaitu RM1,000 sebulan atau RM4.81 sejam bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 sebulan atau RM4.42 sejam bagi Sabah, Sarawak dan Labuan.

Pada tahun 2012, Najib mengumumkan kadar gaji minimum kebangsaan bagi sektor swasta sebanyak RM900 sebulan atau RM4.33 sejam untuk Semenanjung manakala Sabah, Sarawak dan Labuan pula pada paras RM800 atau RM3.85 sejam.

Dalam pengumuman lima tahun lalu, Najib berkata, kerajaan menyedari dan amat prihatin terhadap tuntutan para pekerja supaya gaji minimum ditetapkan pada paras antara RM1,200 hingga RM1,500.

"Oleh itu, sudah tiba masanya kadar semasa dikaji semula, dan dinaikkan kepada RM1,800 kerana RM1,800 adalah kadar yang munasabah pada hari ini," kata beliau.

Sdra Solomon berkata, salah seorang ahli panel iaitu Timbalan Pengerusi Bantah TPPA Azlan Awang telah berkongsi pandangan bahawa purata kadar kos barangan di Malaysia tujuh kali lebih mahal berbanding di Australia meskipun nilai mata wang jauh berbeza. "Maklumat mengenai perbezaan purata kadar kos harga barangan adalah sesuatu yang mengejutkan. Apa pilihan yang kita ada bagi pekerja-pekerja di Malaysia?" kata Sdra Solomon.

KKSM telah melancarkan Kempen Gaji Minima Global di Kuala Lumpur pada bulan Oktober lalu.



*Sesi penyampaian cenderahati kepada tetamu jemputan khas.*



## **PINJAMAN 0% BAGI PEKERJA BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDERHANA (B40 DAN M40)**

**KUALA LUMPUR:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) mahu kerajaan mempertimbang pemberian pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi de-ngan kadar faedah sifar bagi para pekerja dalam kategori kumpulan berpendapatan terendah (B40) dan pertengahan (M40).

Setiausaha Agung KKSM, J. Solomon berkata, kos sara hidup dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu selain kesan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) telah mengakibatkan implikasi serius ke atas beban golongan berpendapatan rendah. Lebih menyukarkan katanya, harga harta-nah pula meningkat de-ngan ketara kebelakangan ini.

"Meskipun memiliki rumah satu impian bagi setiap rakyat malah ia juga aspirasi kerajaan, malangnya pada hari ini untuk merealisasikan impian itu adalah mustahil disebabkan kos sara hidup dan faedah pinjaman yang tinggi serta disebabkan bayaran ansuran pinjaman yang besar," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Solomon berkata, sewa rumah pula naik se-cara berkala dan pemilik me-ngambil kesempatan daripada keadaan ekonomi semasa serta permintaan yang tinggi.

Bagi mengatasi masalah tersebut katanya, pihak bank perlu menyediakan pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi dengan kadar faedah sifar bagi pekerja dalam kategori B40 dan M40 berkenaan.

"KKSM turut mengesyorkan pinjaman perumahan sehingga RM500,000 dan pinjaman peribadi 10 kali gaji asas bulanan. Pinjaman perumahan adalah untuk pemilikan rumah pertama dan pinjaman peribadi pula untuk digunakan sebagai kemudahan bayaran asas.

"Bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa pinjaman ini bukan untuk pelaburan spekulatif," katanya.

**Sumber: Utusan Malaysia**

## **JANGAN KOLOT PASAL CUTI BERSALIN 90 HARI, TEGAS KKSM**

**KUALA LUMPUR:** Majikan di negara ini sewajarnya mengubah pemikiran tradisional dan konvensional berhubung isu pelaksanaan cuti bersalin 90 hari yang dicadangkan dalam sektor swasta.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM), J Solomon, menyifatkan dakwaan kononnya cadangan itu bakal menambahkan kos terhadap majikan adalah tidak benar.

Sebaliknya, katanya, pemberian tambahan cuti daripada 60 hari kepada 90 hari seperti yang dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan awam berupaya memacu produktiviti, selain mengurangkan tekanan di tempat kerja.

"Saya bingung dengan perangkaan dikemukakan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mengenai kos tambahan yang terpaksa ditanggung jika tambahan cuti ini diluluskan sektor swasta.

"MEF sepatutnya memberikan perincian mengenai jenis pekerjaan, sektor dan industri berkaitan yang berkemungkinan mengalami peningkatan kos susulan pemberian cuti tambahan ini.

"Pemikiran kolot seperti ini wajar diubah kerana Pusat Kajian Dasar dan Ekonomi (CEPR) membuktikan peruntukan tambahan untuk cuti bersalin menjana impak positif terhadap persekitaran pekerjaan," katanya kepada BH.

Pengarah Eksekutif MEF, Datuk Shamsudin Bardan, dilaporkan berkata pengurusan syarikat terpaksa menanggung lebih kos RM20 bilion jika cuti bersalin selama 90 hari dijadikan sebagai dasar mandatori.

Kos itu merangkumi pecahan RM10 bilion untuk kos pemberian cuti tambahan bagi wanita selepas bersalin dan RM10 bilion bagi menggaji pekerja sementara.

Beliau turut mengemukakan perangkaan bahawa seramai 250,000 pekerja wanita mengambil cuti bersalin setiap tahun secara purata.

Seiring arus pemodenan, Solomon berkata, majikan sepatutnya tidak sekadar mementingkan perkiraan faktor kos, sebaliknya turut mempertimbangkan pemberian faedah sampingan terhadap pekerja.

**Sumber: BH Online**



## URUS SENDIRI PEMBANTU RUMAH, SEJAHTERAKAN MAJIKAN

**KUALA LUMPUR:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) yakin dengan langkah kerajaan membenarkan pengambilan pembantu rumah secara terus dari negara sumber menerusi Bajet 2018 yang diumumkan Perdana Menteri pada Jumaat lalu bakal memberi kesejahteraan kepada majikan serta pembantu rumah itu sendiri.

Presidennya, Abdul Halim Mansor memberitahu, perkara itu merupakan bonus kepada golongan berkenaan (majikan) apabila pengumuman penjimatan kos sebanyak enam kali ganda itu secara tidak langsung akan menamatkan 'kesengsaraan' golongan itu yang sebelum ini pernah menjadi mangsa ejen pembantu rumah tersebut.

Menurutnya, platform yang disediakan kerajaan iaitu proses pengambilan pembantu rumah secara atas talian bukan sahaja mengurangkan kos tersebut malah turut mengurangkan kebergantungan setiap majikan kepada ejen yang tidak bertanggungjawab. "Jika ingin mengambil pembantu rumah, ia haruslah berpusat. Dapatkan bantuan daripada kerajaan iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen serta pejabat kedutaan negara berkaitan bagi penyediaan pembantu rumah yang berkualiti serta dilengkapi dengan pelbagai kursus asas dalam mengendalikan kerja rumah.

"Jangan mudah percaya kepada agensi, ada segelintir ejen mereka tidak bertauliah. Mereka banyak mengaut keuntungan daripada caj tersembunyi termasuklah kos levi, visa, pengangkutan serta perlindungan insurans," katanya.

Langkah kerajaan membenarkan majikan mengambil terus pembantu rumah dari negara sumber merupakan satu rahmat kepada rakyat negara ini kerana kos itu dapat dikurangkan sebanyak enam kali ganda iaitu majikan hanya perlu membayar sekitar RM3,360 berbanding bayaran kepada ejen yang mencecah RM18,000.

*Sumber: Utusan Online*



## MTUC: UNJUSTIFIABLE TO INVEST EPF FUNDS TO STRENGTHEN US ECONOMY

**PETALING JAYA:** The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) has objected to the plan to invest RM17bil from the Employees Provident Fund (EPF) in the United States.

Its secretary-general J. Solomon said instead, the funds should be used to develop the domestic economy.

"EPF belongs to the workers, and its funds should be invested to improve workers' welfare, not to invest in US equity markets to assist US infrastructure redevelopment," he said in a statement.

Solomon expressed MTUC's dismay with the Malaysian Government for committing to invest RM17bil from EPF to strengthen the US economy.

"Does the US, a super power and the world's largest economy, really need the retirement funds of Malaysians to strengthen its economy?"

"There is a dire need to strengthen the economy of our own country to at least materialise Vision 2020," he said. He added that the Government should not ignore its priority towards its own people, especially when it comes to workers' welfare and their monies.

Solomon said MTUC had personally written to Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak in February requesting that EPF pay workers the shortfall of the 0.7% dividend pay-out for the year 2016.

"This request was made in February, taking into account the highest income generated by the fund since its existence, and to ensure the accumulation of reasonable funds in the individual worker's accounts, which is the only social protection a worker has for his retirement," he said.

He said unfortunately, MTUC has not received a response, but learnt from the press and social media about the plan to invest EPF monies to strengthen the US economy. He said it is the moral obligation of the Government to explain to MTUC of the deal with the US which should have been done before giving its commitment to the US President.

*Source: The Star*





## **KKSM ALU-ALUKAN PERUNTUKAN RM122 JUTA KEPADA PERKESO LAKSANA SISTEM INSURANS PEKERJAAN**

**KONGRES** Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM122 juta kepada PERKESO untuk melaksanakan Sistem Insurans Pekerja (SIP) pada tahun 2018.

Kami juga mengalu-alukan langkah Kerajaan Barisan Nasional untuk mendapatkan kelulusan di Parlimen dan kami percaya tidak akan ada perubahan di peringkat Senat yang akan membincangkan Rang Undang-undang SIP.

Walaupun Rang Undang-undang sedang dalam proses untuk diluluskan, kita perlu memastikan bahawa majikan tidak akan menggunakan SIP sebagai alasan untuk melakukan pemberhentian secara sembarangan.

Kami bimbang dengan pandangan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PERKESO, Datuk Dr Mohammed Azman Aziz yang menjangkakan seramai 57,282 akan diberhentikan dan akan mendapat manfaat daripada SIP.

Dalam keadaan biasa, majikan akan memberitahu Jabatan Tenaga Kerja sekurang-kurangnya 30 hari sebelum pemberhentian kerja dan Jabatan Tenaga Kerja kemudiannya perlu melihat justifikasi permintaan mereka.

KKSM terkejut apabila CEO PERKESO telah dimaklumkan oleh Jabatan Tenaga Kerja mengenai anggaran jumlah pekerja yang akan diberhentikan pada tahun 2018. Sejumlah 57,282 pekerja yang dijangka diberhentikan adalah sesuatu yang membimbangkan KKSM dan ia tidak selaras dengan pengumuman kerajaan baru-baru ini di mana KDNK kita adalah dalam lingkungan 6.2% dan ekonomi Malaysia bergerak dengan lancar.

PERKESO juga harus menimbang semula pembayaran kepada pekerja-pekerja kontrak kerana pekerja-pekerja juga menyumbang kepada SIP dan mereka juga perlu mencari kerja lain apabila kontrak mereka tamat dan untuk tempoh interim, SIP harus membantu pekerja-pekerja terbabit, apalagi tujuan SIP adalah membantu mereka yang akan dihenti kerja.

Seperti yang dicadangkan kadar bayaran sebanyak RM600 sebulan untuk maksimum selama tiga bulan bagi tahun 2018 adalah terlalu rendah bagi isi rumah untuk terus hidup dan juga untuk orang dewasa.

Kami tidak pasti atas dasar apa PERKESO mengesyorkan RM600 walaupun gaji minimum semasa adalah sebanyak RM920 untuk Sabah dan Sarawak dan RM1,000 di Semenanjung Malaysia, tetapi kadar itu tidak mencukupi.

Kami sedar bahawa walaupun kutipan dilakukan pada tahun 2018 tetapi kerajaan bercadang untuk membayar hanya pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, dengan pengambilan minimum sebanyak RM50 juta sebulan dari kedua-dua majikan dan pekerja, bermula pada Januari 2018 dan sebagai tambahan kepada sumbangan oleh kerajaan untuk 2018, KKSM tidak melihat apa-apa sebab yang kukuh mengapa pembayaran pada kadar itu sepatutnya menjadi asas minimum dan bukannya RM600 yang disebutkan oleh CEO PERKESO.


Walaupun KKSM mengalu-alukan pembayaran SIP itu, ia tidak boleh dianggap sebagai satu hadiah tetapi perlu ada satu jumlah yang munasabah bagi pekerja yang menjadi benefisiari kerana mereka adalah penyumbang kepada SIP.



\* **NOTA KENYATAAN MEDIA DIKELUARKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG SDRA J SOLOMON**



## MTUC PRESIDENT: EIS IS NEW PROTECTION FOR WORKERS



**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) which represents half a million private sector employees sees the

Employment Insurance System (EIS) as a new protection for workers.

The EIS Bill was passed by the Dewan Rakyat on October 25m 2017.

MTUC president Bro Abdul Halim Mansor in welcoming law makers approval of the bill said the introduction of the EIS was also timely now, considering the soft job market and tough global economic climate.

"MTUC thanks Prime Minister, YB Human Resource and MOHR, Employer Association and Tan Sri Zainal Rahim KPPA for all the effort," he said in a statement today.

"Though it has been nearly 20 years since the idea of a "safety net" for retrenched workers was first mooted, notably after over 50,000 people loss their jobs following the 1997 Asian Financial Crisis, the Malaysian Employers Federation (MEF) feels the Federal government pushed through the policy without taking into account the views of employers.

"On the other side of the fence, the Malaysian Trades Union Congress (MTUC), which represents over 500,000 private sector employees sees the EIS as a "New Protection", " he said.

Under the EIS bill, employers and employees will contribute 0.2 per cent each of an employee's salary, which will go towards an accumulated fund, where retrenched workers could claim financial assistance from.

The scheme will involve 430,000 employers and 6.6 million employees.

Bro Halim said under the existing Employment Act 1955, the only retrenchment benefits workers get are 10 days salary for under two years of service, 15 days salary for under five years of service and 20 days salary for anything above that.

"But currently, this is lopsided because if an employee suddenly quits his job without serving notice, he would be expected to pay the company a month's wages", he said.

He adds that under the Employment Act, companies were also required to have reserves for retrenchment benefits, though this had not been enforced by the federal government.

"At the end of the day, it's a fund for protection. Just like automotive insurance. You pay for insurance but only claim when there's an accident, and the contribution rate of 0.2 per cent is a small and fair amount for this protection," he said.

MTUC also slammed the Malaysian Employers Federation (MEF) for claiming that the employees' protection scheme is one reason why 50, 000 Malaysians are expected to lose their jobs this year.

Bro Halim feels that it is unfair for MEF to pin some blame over the job loss estimate on the recently imposed EIS.

He said that if MEF executive director Datuk Shamsuddin Bardan's estimate is correct, the bleak job outlook is largely due to the employers' inability to be innovative in times of economic uncertainties and their over-reliance on government assistance.

"Having an employee protection scheme is important as it can attract foreign investments. In fact, MTUC believes that the decision to impose EIS, increase the minimum wage and maternity leave were long overdue.

"Hence MTUC urges the government to issue a directive to all employers that local workers must be the last to be retrenched compared to foreign workers," he added. Bro Halim however argued that EIS monthly contribution rate is reasonable given that the economic welfare of employees is not well protected in case of retrenchment or bankruptcy.

**Source: NST and Mole.my**



## **KWSP PERKENAL PILIHAN KELUAR CARUMAN UNTUK AHLI USIA 55, 60 TAHUN**



**KUALA LUMPUR:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan penambahbaikan ke atas pembayaran dan pilihan pengeluaran jumlah daripada akaun ahli KWSP berumur 55 tahun dan 60 tahun.

Inisiatif itu antara empat penambahbaikan ke atas skim dan polisi KWSP yang akan berkuat kuasa 1 Januari 2018.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata polisi pengeluaran 55 tahun dan 60 tahun dipermudahkan bagi membolehkan ahli membuat pengeluaran sebahagian bagi sebarang jumlah pada bila-bila masa daripada akaun KWSP mereka.

Katanya, ia berbeza jika dibandingkan polisi semasa yang hanya membenarkan pengeluaran tidak kurang RM2,000 setiap 30 hari.

"Ahli juga boleh membuat pengeluaran serendah RM100 sebulan, berbanding RM250 dalam polisi terdahulu.

"Penambahbaikan lain termasuk pilihan Amanah Raya Berhad sebagai penama/pentadbir atau pemegang amanah kepada simpanan KWSP.

"Ia bagi memudahkan pengagihan simpanan kepada waris terdekat apabila ahli meninggal dunia.

"Ini boleh memberi manfaat terutama kepada ahli yang mempunyai anak bawah 18 tahun," katanya.

Ketiga, kata Shahril, polisi pengeluaran fleksibel yang boleh dibuat pada bila-bila masa dilanjutkan sehingga umur 100 tahun berbanding had umur semasa 75 tahun.

Katanya, ahli juga boleh membuat gabungan pengeluaran sebahagian dan bulanan.

"Keempat, bantuan kematian berjumlah RM2,500 yang boleh dituntut oleh waris terdekat sekiranya ahli meninggal dunia sebelum umur 55 tahun, kini ia akan dilanjutkan kepada 60 tahun.

"Penambahbaikan ini selaras dengan umur persaraan minimum umur 60 tahun," katanya.

**Sumber BH**

## **KKSM GESA KERAJAAN KAJI DISKRIMINASI PERKAUMAN DALAM SEMUA SEKTOR PEKERJAAN**

**PETALING JAYA:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) mahu kerajaan menjalankan kajian sama ada kriteria kaum menjadi faktor dalam soal seseorang memperoleh peluang pekerjaan.

Setiausaha Agungnya, J Solomon mendakwa sesetengah sektor memang mengambil kira latar belakang kaum pencari kerja dalam proses pengambilan pekerja masing-masing.

"Kami ada menerima laporan kaum India berhadapan dengan masalah mendapatkan pekerjaan," kata beliau.

Beliau mengulas hasil tinjauan Merdeka Center yang mendapati 74% belia India dan 70% kalangan Melayu mengalami kesukaran memasuki pasaran kerja manakala tahap di kalangan belia Cina adalah 45%.

Sehubungan itu, Solomon mencadangkan agar kerajaan mengumpulkan hasil kajian-kajian seumpama itu dan mengkajinya bagi mencari jalan penyelesaian.

Beliau menambah, kerajaan sepatutnya mempertimbangkan untuk mengenakan sistem kuota jika kajian mendapati memang wujud diskriminasi kaum. Matlamat sistem kuota sedemikian, menurut beliau, adalah untuk melindungi pencari pekerjaan India daripada diskriminasi kerana mereka merupakan kumpulan minoriti.

"Kami tidak mengharapkan untuk menghapuskan perbezaan ini sepenuhnya," katanya.

"Tetapi jika kumpulan minoriti kecil mencatat peratusan tertinggi mereka yang menghadapi masalah memasuki pasaran kerja, maka ia harus disebabkan oleh faktor kaum.

"Dan ini perlu diambil serius."

Bagaimanapun, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan berkata penemuan tinjauan seumpama itu tidak semestinya bermakna terdapat diskriminasi kaum di pasaran pekerjaan.

Beliau berkata, ia lebih bersifat "masalah persepsi" dan bukan realiti pasaran kerja.

**Sumber: FMT**



## **SARAN RUMAH MAMPU MILIK UNTUK PEKERJA SWASTA**

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan disaran mempertimbangkan isu rumah mampu milik, insurans perlindungan penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan rebat cukai pendapatan untuk kakitangan swasta dalam pembentangan Bajet 2018, 27 Oktober ini.

Tiga isu itu adalah antara cadangan utama dikemukakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) demi memastikan kebajikan pekerja swasta terus terjamin.

Presidennya, Abdul Halim Mansor, mengesyorkan kerajaan bekerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam menyediakan mekanisme supaya pencarum boleh membeli rumah mampu milik melalui akaun KWSP.



Ketika ini, katanya, pencarum boleh mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk deposit membeli rumah pertama tetapi jumlahnya terhad.

“Kita mohon Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyediakan kemudahan pinjaman akaun KWSP untuk pekerja swasta membeli rumah mampu milik, selain membenarkan pencarum membayar ansuran bulanan pinjaman menggunakan akaun KWSP.

“Kebanyakan pekerja swasta terutama golongan M40, tidak boleh membeli kediaman kerana tidak layak mendapatkan rumah mampu milik manakala harga rumah dijual pemaju terlampau mahal dengan anggaran harga pasaran bagi apartmen kos sederhana baharu mencecah RM400,000. Menerusi pertimbangan ini, pembentangan Bajet 2018 akan lebih inklusif, sekali gus menggambarakan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat,” katanya kepada BH.

Abdul Halim berkata, pihaknya mengharapkan kerajaan membuat pemotongan insurans penerima BR1M daripada kelompok pekerja swasta kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Katanya, kerajaan disyor membuat pemotongan mengikut kadar tangga gaji untuk membolehkan pekerja swasta menikmati jaminan faedah perkhidmatan PERKESO termasuk, ganti rugi dan skim keilangan sekiranya ditimpa musibah.

“Pemotongan perlindungan insurans dengan PERKESO seperti tindakan serampang dua mata khususnya membabitkan sektor tidak formal seperti nelayan, petani dan pembantu rumah.

“Golongan ini mengambil mudah perlindungan insurans kerana pendapatan mereka kecil. Tindakan ini boleh mendidik dan ‘membuka minda’ mereka manakala kebajikan waris terjamin.

“Sekiranya kerajaan tidak memberi pendidikan, mereka akan terus menjadi penerima BR1M untuk jangka panjang dan sukar keluar daripada kepompong atau belunggu kemiskinan,” katanya.

Mengenai rebat cukai pendapatan pekerja swasta, Abdul Halim memohon kerajaan meneliti semula pemotongan cukai pendapatan dan melaksanakan mekanisme rebat cukai pendapatan.

Katanya, kakitangan swasta terutama di bandar besar terus dihipit masalah kos sara hidup tinggi dan tidak berpadanan dengan skim gaji mereka.

“Pelaksanaan rebat cukai pendapatan boleh mengurangkan beban pekerja swasta khususnya dalam pembelian barangan keperluan asas termasuk rumah,” katanya.

**Sumber BH**



## **MTUC WANTS SOCSO TO PENALISE ERRANT EMPLOYERS, INCREASE PENALTY**



**KUALA LUMPUR:** The government should impose further Social Security Organisation (Socso) contribution on employers who neglect their employees' welfare at work.

The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) president Abdul Halim Mansor said by doing so, companies would be more committed in taking better care of their employees.

"The penalty will be given to the companies who may be negligent and fail to provide the maximum protection and safety precautions. "Socso will be able to identify employers that do not prevent accidents from happening. After all, as the saying goes, prevention is better than cure," he told New Straits Times when contacted earlier.

Halim was responding to Socso's announcement on Wednesday to increase its payment rates under the Employment Injury Scheme and Invalidation Scheme.

"This is a really good initiative from the organisation as it goes to show that Socso understands the needs of pensioners especially with the rise in cost of living.

"However, this move should be supported fully by all parties, especially the employers," he said.

Human Resources Minister Datuk Seri Richard Riot announced yesterday that 328,056 Socso beneficiaries will receive an increase of up to 10 per cent in payouts to help alleviate the rising cost of living.

Pensioners will receive a different rate per year; 2011 and earlier (10.4 per cent), 2011 (8.3 per cent), 2012 (6.6 per cent), 2013 (4.4 per cent) and after 2014 (1.2 per cent).

A beneficiary, 47-year-old Sarasuady Perumal, said she is grateful but believe that the increment was long overdue.

"As a mother of five, there is a lot on my plate and the money I currently receive isn't enough to cover my children's daily expenses," she said.

Lee Lee Pheng, 61, is barely surviving with only RM 340 per month from Socso in the last five years.

"I am so happy with this news as everything has gotten too expensive for me.

"With the current cost of living, you can imagine how hard it has been for me," she said, adding that she hoped the process of increasing the payouts will be smooth.

Hawiyah Bari, 58, said that the increase of payouts will help more than covering her daily cost of living.

"My son who is studying at a public university is struggling due to lack of funds.

"Hopefully I can give him some pocket money so he can live comfortably and focus on his studies," she said.

As Hawiyah has been receiving the benefits since 2010, she is eligible to receive more than 8.3 per cent increase in payouts beginning Dec 26 this year.

Payment of arrears will be made from Dec 26 to former contributors who are getting payments from pension schemes under Socso or schemes for their dependents, from before 2015.

The adjustment rates are in line with the 10th Actuarial Studies report and the first since 2012

**Source: NST**



## **KKSM BANTAH DASAR KERAJAAN BENAR 100% PEKERJA ASING DALAM SEKTOR PEMBUATAN**

**Kongres** Kesatuan Sekeja Malaysia berpandangan dasar terbaharu kerajaan membenarkan pengambilan 100 peratus pekerja asing dalam sektor pembuatan adalah sesuatu yang mengejutkan dan satu keputusan yang tidak wajar sama sekali.



Pada pandangan Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia, kenyataan Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini dengan sendiri menunjukkan kerajaan bergerak ke belakang dalam usaha mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja-pekerja asing. Sepatutnya kerajaan harus terus memperketatkan pengambilan pekerja-pekerja asing bagi mengurangkan kebergantungan ke atas mereka buat selama-lamanya.

Apa yang kita tahu, sebelum ini kerajaan pernah mengumumkan dasar mengurangkan pengimportan pekerja-pekerja asing secara berperingkat-peringkat. Jadi, mengapa secara tiba-tiba perlu ada satu dasar khusus bagi sektor pembuatan dengan membenarkan sektor pembuatan mengambil pekerja asing 100 peratus.

Langkah ini bukan sahaja memberi satu isyarat tidak baik dalam pasaran kerja dan penggunaan pekerja tempatan dengan maksimum yang boleh, di samping memperluaskan penggunaan kemajuan teknologi untuk mengurangkan pekerja, Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia berpandangan bahawa dasar terbaharu akan terus menafikan hak dan peluang rakyat tempatan untuk mendapatkan kerja pada kadar upah yang adil dan sewajarnya serta berkualiti bagi menyara kehidupan mereka.

Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia mahu Kabinet mengambil pendirian tegas membatalkan keputusan melonggarkan syarat dengan membenarkan sektor pembuatan mengambil 100 peratus pekerja asing.

Utamakan penggunaan pekerja-pekerja tempatan. Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia mahu kerajaan juga dengan segera memperkenalkan gaji minum RM1,800 kepada pekerja-pekerja di negara ini.

Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia berpendirian bahawa daripada terus menambah pengambilan pekerja asing hanya akan memenuhi tuntutan pihak-pihak tertentu yang mahu mendapatkan keuntungan, kerajaan harus memberi tumpuan bagi menyediakan pekerjaan kepada penduduk tempatan. Kerajaan telah menolak untuk melibatkan rakan-rakan sosial untuk mempersiapkan masa depan kerja kerana perniagaan membawa pekerja asing menguntungkan pihak tertentu.

Bagaimanapun masih belum terlambat. Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia menggesa kerajaan agar lebih bertanggungjawab untuk membawa bersama penglibatan yang bermakna dengan rakan kongsi sosial dalam menyediakan pekerja Malaysia untuk membina dasar yang lebih komprehensif demi masa depan pekerja-pekerja tempatan selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

**\* NOTA KENYATAAN MEDIA DIKELUARKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG SDRA J SOLOMON**





## **KURSUS PENGAMAL PERHUBUNGAN PERUSAHAAN ANJURAN KKSM-SOLIDARITY CENTER**

**SUBANG JAYA:** Seramai 44 orang menyertai Kursus Pengamal Perhubungan Perusahaan (IR) yang baharu selama tiga hari bermula 5 Disember lalu. Ia diadakan di Ibu Pejabat Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) di sini.

Peserta terdiri daripada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Agung KKSM Sdra J Solomon telah merasmikan program ini manakala sesi penutup disempurnakan oleh Naib Presiden Sdra Jey Kumar .

Dalam ucapannya, Sdra Solomon berkata, sesi kali ini merupakan fasa pertama dan mereka boleh menyertai fasa kedua dan ketiga untuk menjadi Pegawai IR KKSM bertauliah, sekali gus akan dilantik menjadi Pegawai IR yang rasmi bagi KKSM.





## PERSIDANGAN KEBANGSAAN OSH 2017



*Para peserta yang mengikuti kursus di Melaka pada 30 Oktober.*

**SUBANG JAYA:** Ibu Pejabat Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) meneruskan program meningkatkan kesedaran mengenai soal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di seluruh negara.

Sejak bulan Oktober lalu, kursus berkaitan telah diadakan di peringkat nasional dan juga negeri-negeri. Ini termasuklah di Johor Bahru, Sibul, Melaka dan Kuantan.

Setiausaha Agung Sdra J Solomon berkata, kepimpinan pusat merasakan setiap pemimpin terutama di peringkat kesatuan gabungan perlu didedahkan kepada latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dalam hal ini beliau mengucapkan penghargaan kepada NIOSH yang turut menghulurkan kerjasama dan sokongan.

Kursus peringkat nasional telah diadakan di Melaka pada 30 Oktober.



*Para peserta mengikuti kursus di Melaka pada 30 Oktober.*

*Lagi foto di muka surat 17-19*



## SIRI BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN ANJURAN KKSM DI SELURUH MALAYSIA



*Sekitar Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Johor Bahru, yang berlangsung pada 13 dan 14 November 2017.*



Bersambung di muka surat 18



## SIRI BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN ANJURAN KKSM DI SELURUH MALAYSIA



*Kursus Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang diadakan di Kuantan, Pahang pada 25 dan 26 Oktober 2017.*



*Peserta mengikuti Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Lundu, Sarawak pada 9 dan 10 Oktober. 2017.*



## SIRI BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN ANJURAN KKSM DI SELURUH MALAYSIA



*Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 18 dan 19 September 2017.*



*Mereka yang menyertai Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sibul pada 2 dan 3 Oktober 2017.*



## KURSUS KEPIMPINAN BELIA DAN WANITA



*Kursus Kepimpinan Belia dan Wanita Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia berlangsung di Ibu Pejabat KKSM mulai 1 hingga 3 Ogos 2017. Lebih 20 pemimpin pelbagai peringkat mengambil bahagian dalam kursus ini. Antara lain kursus ini dikendalikan oleh Pegawai Pendidikan KKSM Sdra Somasundram.*



*Setiausaha Agung KKSM Sdra J Solomon bersama kepimpinan Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Simen yang hadir untuk membincangkan isu pemberhentian pekerja-pekerja UEM pada awal Oktober 2017. Susulan siri perbincangan pengurusan UEM telah menggugurkan rancangan mereka.*



## BENGGKEL TINGKAT SKIL & MENGGAJI DAN KELOLA PEKERJA ASING



**KUALA LUMPUR:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) dalam usaha menjaga kebajikan setiap pekerja di negara turut mengadakan sesi perbincangan bagi pekerja-pekerja asing dalam sektor elektronik dan elektrik di Malaysia.

Ia berlangsung di NUBE House Kuala Lumpur pada 5 Oktober 2017. Lebih 20 pemimpin kesatuan menyertai program ini yang memberi pendedahan kepada aspek penggajian dan mengurus kelola pekerja-pekerja asing.





## BENKEL PENTADBIRAN DAN KEWANGAN KESATUAN BAGI PEMIMPIN KONGRES



**SUBANG JAYA:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia mengadakan bengkel kewangan kesatuan sekerja bagi pemimpin-pemimpin Kongres.

Ia berlangsung di Ibu Pejabat KKSM pada 26 hingga 28 September 2017. Program ini diadakan bagi mendedahkan kepimpinan kesatuan sekerja mengenai aspek pengurusan dan pentadbiran kewangan.

Pucuk kepimpinan merasakan pengetahuan mengenai aspek itu amat penting dalam menjamin perjalanan kesatuan sekerja berkesan.

Setiausaha Agung Sdra J Solomon dalam ucapan perasmian menasihatkan kesemua pemimpin agar menguruskan soal kewangan dengan penuh tanggungjawab dan mencari jalan bagi meningkatkan dana demi manfaat ahli.






## BENKEL TREND DAN DASAR UPAH DALAM PERJANJIAN BERSAMA - ANJURAN KKSM-ILO



**GEORGE TOWN:** Bengkel National Workshop On Wage Policy & CBA telah diadakan pada 3 dan 4 Oktober 2017. Ia yang diadakan dengan kerjasama ILO berlangsung di Pulau Pinang. Program ini dirasmikan oleh Setiausaha Agung KKSM Sdra J Solomon.

Dalam ucapannya Sdra Solomon berkata pemimpin-pemimpin kesatuan perlu dilengkapi dengan kemahiran berunding demi menjamin upah yang sewajarnya bagi rakyat dalam kumpulan B40 dan M40 dalam usaha menangani kos sara hidup yang tinggi.

Katanya, Perjanjian-perjanjian Bersama juga seharusnya merentasi aspek upah asas semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi keutamaan berkenaan dengan peningkatan kemahiran dan latihan semula.







## MTUC/ITUC-AP NATIONAL WORKSHOP ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)



MTUC/ITUC-AP National Workshop on SDG's For 2018-2020 Malaysia was held from 9-10 2017 in Petaling Jaya, Selangor.





## KURSUS KEPIMPINAN DI SIPITANG, SABAH



Para peserta mengikuti kursus kepimpinan sehari yang berlangsung di Sipitang, Sabah pada 23 September 2017. Program ini dihadiri oleh 50 pemimpin STIEU dan pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia Bahagian Sabah. Kursus ini diadakan atas permintaan kesatuan Sabah Forest Industry yang berhadapan dengan perjuangan mendapatkan pengiktirafan ke atas kesatuan sekerja sejak lebih 20 tahun yang lalu.



Lebih 20 pemimpin kesatuan mengambil bahagian dalam **Seminar Akta Kerja 1955** anjuran Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia Bahagian Pulau Pinang dan MMK Sumber Manusia dari 20 hingga 22 November 2017.





*Participants attended the function in Kuala Lumpur on 17 December 2017.*

## **MTUC EXPRESSES SOLIDARITY SUPPORT FOR MIGRANT WORKERS**

**KUALA LUMPUR:** In conjunction with the International Migrant Day, the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) expresses its solidarity to the millions of migrants who are working and seeking refuges across the world due to the suppressive political, socio economy conditions in their home countries.

Many of them experience the extreme inhuman bondage labour like working conditions and denied of basic labour rights and human rights.

Regardless of their contributions to the economy development of the countries that are currently working for. Yet, they are facing prejudices, racism and xenophobia that caused tremendous humiliation and discrimination.

Malaysia is one of the key country receiving millions of migrant workers. According to the latest statistic from the Ministry of Human Resource, there are There 1,732,944 (1.7 million) documented migrant workers in Malaysia, which is 12 per cent out of the private sector labour forces of 13.2 million.

However, to date, various reports, research and also victims' testimonies, we witnessed where there are still many migrant workers are facing the precarious working-living conditions and denied of rights to association even in Malaysia.

Many were victimised due to trafficking, the bad recruitment process that lead to the deteriorate of working condition and rights and also undocumented.

Therefore, we call upon the commitment of the Malaysia government to endorse the Conventions related to the protections of migrants' workers and other important convention to adhere to the international labour standard of protection.

We also need to amend our labour law to recognise domestic workers as workers and allow for unionisation. To regulate the legislation to ensure that domestic workers are is entitled to have rest day at least a day in a week and working of 8 hours a day, as enjoys the same protection like other workers in Malaysia.

Malaysia government must regulate the cost of levy and also the burden of recruitment fee and placement to be paid by the Employers, not by the workers. Many reports had revealed that workers had spent lots of money for agencies and yet being put under precarious working conditions and also the substitute contract that against the law.

Therefore, we e are calling for the right to work and social protection for refugees, equal treatment for migrant workers, opening up of regular migration channels, an end to abusive recruitment practices, fair representation of the multiple dimensions of migration in the media; and denouncing expressions of racism, xenophobia and intolerance.

In order to ensure the protection of the migrant workers and their rights, in conjunction of International migrant day, MTUC as the affiliate of International Trade Union Congress announces the project of the Migrant Recruitment Advisor (MRA) - Malaysia that aims to give a voice to the migrant workers in Malaysia and all over the world through an online platform that is being developed. The pilot project is currently organised in Indonesia, Philippine, Nepal and Malaysia.

*To continue in page 27*



ITUC started the MRA pilot project to raise awareness of migrant workers about fair recruitment and safe migration.

As we know that due to lack of government legislation as well as lack of protection and monitoring, the migrant workers are vulnerable to fall into the hands of abusive recruiters and employers. Case by case, workplace by workplace, workers and their unions have been exposing the scandals of modern slavery.

Recruitment practices which lure workers with promises of jobs which don't exist, salaries which aren't paid, and charge unscrupulous loans forcing workers into years of debt bondage are deceptive and fraudulent. In the search for a better future for their families, many workers are still unaware of their rights or which recruiters are making false promises.

In order to clean up the recruitment practices of unscrupulous recruiters, we need stronger laws, and fair recruitment based on human and labour rights standards. History shows us that before laws are changed, it's often workers who act first.

Together we will need to unscrupulous recruitment practices, we will eliminate slavery in our supply chains and we will end modern slavery.

Therefore, we call upon Malaysia government:

- Stop anti-immigration and xenophobic rhetoric and highlight benefits of migration.
- Recognise the essential role that migrants play in today's globalised economy.
- Ensure the right to work and social protection for refugees.
- Integrate migrant workers and refugees in national labour markets, through active labour market policies.
- Respect, protect and fulfil the rights of all workers, including migrant workers, as laid out in international labour and human rights treaties.
- Ratify and implement the 1990 UN Convention and the ILO Convention 143.



*Bro J Solomon (three from right) among the leaders attended the special function.*



*A group photo at the end of the function held in Kuala Lumpur on 17 December 2017.*



## ILO GENEVA VISITS MTUC ON FORCED LABOUR



*Group photo session at the end of the visit by ILO Geneva..*

**SUBANG JAYA:** On the 7th December 2017, the International Labour Organization (ILO) Geneva and Kuala Lumpur had visited the Malaysian Trades Union Congress office.

The representatives from ILO Geneva are Mr Stephen McClelland, Chief Technical Advisor, BRIDGE Project, Mr Philip Fishman, Senior Technical Advisor on Fundamental Principles and Rights at Work, Ms Alix Nasri, Technical Officer of Fair Recruitment Project, Jodelen Mitra, Technical Officer of BRIDGE Project and also the ILO Kuala Lumpur representative, Mr Hairudin Masnin, Project Officer of BRIDGE project.

MTUC was represented by our Secretary General, Bro J Solomon, Bro Siva, Bro Soma Northern Region Electronic Union, Penang MRC Officers, Bro Sahul and Bro Fauzi. Johor MRC representatives are Bro Salleh and Bro Khairudin, KL-Selangor MRC, Bro Badrul also attend this meeting.



Among the topic that was discussed and briefed during this meeting are briefing of the BRIDGE Project by Mr Stephen McClelland.

This project is actually is design to promote the implementation of awareness raising, research, capacity building and activities with Trades Union and with employer organization to deal with issues pertaining to forced labour globally.



## MULTI-STAKEHOLDER MEETING ON EMPOWERING AND ORGANIZING MIGRANT WORKERS IN JORDAN



*Participants of the Multi-Stakeholder Meeting held in Amman, Jordan.*

**JORDAN:** The Multi-Stakeholder Meeting on Empowering and Organizing Migrant Workers was held in Amman, Jordan.

The main objectives of the workshop include to assess the situation of migrant workers in Jordan and identify the key challenges to empowerment and support; better understand the services provided to migrant workers through civil society and unions and develop a referral mechanism, as well as an assessment of the key gaps, learn about successful models of engagement with migrant workers in other countries of destination, including through committees/migrant resource centers and other mechanisms and explore how the GFJTU can collaborate with Unions in countries of origin to help organize migrant workers.

Muhammad Zulfadlee Thye, MRC Coordinator, presented paper on "How can Unions develop, policies, advocacy platforms, institutions and migrant resource centres to support migrants". He discussed on Malaysian Trades Union Congress Engagement History as the introductions of MTUC histories and the objectives of the organisation dan MTUC MRC activities, and also on MTUC's experiences and challenges in Case Management.





## LATIHAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN BAGI MRC

**SUBANG JAYA:** Latihan Pemantauan dan Penilaian bagi MRC Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) telah berlangsung dari 8 hingga 10 November 2017.

Ia dikendalikan oleh Florida Sandanasamy dari ILO Kuala Lumpur dan Ben Harkins dari ILO Bangkok. Saudara Zul Thye bertindak sebagai Penyelaras MRC.

MRC Utara (Pulau Pinang) diuruskan oleh Sdra Sahul Hamid dan Sdra Mohd Fauzi manakal MRC Tengah (Selangor-Kuala Lumpur) pula diuruskan oleh Sdra Rudy dan MRC Selatan (Johor) oleh Sdra Salleh Ahmad dan Sdra Khairuddin Husup.



*Sebahagian daripada mereka yang mengikuti Latihan Pemantauan dan Penilaian bagi MRC MTUC.*





## POST ARRIVAL ORIENTATION SEMINAR: AN OPPORTUNITY FOR MTUC TO PROMO MRC



*Those attended the Post Arrival Orientation Seminar (PAOS) in Kuala Lumpur.*



**KUALA LUMPUR:** Malaysian Trades Union Congress (MTUC) were cordially invited to deliver a speech at the Post Arrival Orientation Seminar (PAOS) here on 25 November 2017.

The session was conducted for the newly arrived household service worker in order to provide relevant information on matter regarding work and stay in Malaysia.

Among others the topics focused on the culture and multi-ethnic communities in Malaysia, Malaysian immigration and labour laws, legal processes and procedures.

The meeting also discussed about roles and functions of Migrant Resource Centre (MRC).

Apart from that MTUC also shared about the activities and services provided by the MRC. It was a very fruitful seminar where all the information about MRC had been delivered accordingly.

We are also very fortunate to know some of the speakers and changing some ideas in order to operates the MRC effectively. The seminar attended by speakers such as Dr Linda A Lumayag (Migration Studies), lecturer from University Malaysia Sarawak. Labor Attache from Philippines Embassy, Elizabeth Marie and Attorney Sumitha Shaantinni, Assistant Director of Bar Council, Malaysia also attended.





*Participants of Training Course on Promotion of Gender Equality and Women's Empowerment.*

## **TRAINING ON PROMOTION OF GENDER EQUALITY AND WOMEN'S EMPOWERMENT**

**KUALA LUMPUR:** MRC Malaysian Trades Union Congress (MTUC) together with three representatives from Belia Wanita MTUC were given opportunity to take part in the Training Course on Promotion of Gender Equality and Women's Empowerment which was held here on 29 and 30 November 2017.

The MRC MTUC was represented by Bro Zul Thye, MRC Coordinator. Three others were Sis Nasrifah Sukarni, Sis Nizah Mat Jaie and Sis Sarojini Devi, from Belia Wanita MTUC.

The program was funded by Global Affairs Canada and the Australian Government Department of Foreign Affairs and Trade. The ILO's Decent Work mandate is closely aligned with the 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDG).

One of the objectives of the training was to raise awareness that gender based discrimination exists on social, cultural and institutional levels and impacts detrimentally on women and men in all spheres of life, including labour migration outcomes. Other objectives were to enhance understanding of the impact of gendered power relations, and recognition of the importance and value of gender equality mainstreaming within workplace contexts, and to increase knowledge of the mechanisms and tools for promoting gender equality and to facilitate their application in practice.

It was indeed a very enjoyable and fruitful training program that MTUC representatives gained inputs from government perspective and also from the NGOs, especially in handling women migrant workers.



## **PRESIDEN DIKURNI DARJAH KEBESARAN PAHANG, TAHNIAH DATO'**

**SUBANG JAYA:** Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM), Sdra Abdul Halim Mansor dikurnia Darjah Kebesaran Negeri Pahang sempena ulang tahun hari keputeraan ke-87 Sultang Pahang Sultan Ahmad Shah.

Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - Peringkat Kedua membawa gelaran "Dato'.

Seluruh kepimpinan KKSM mengucapkan tahniah kepada beliau atas pengurniaan.

Beliau menerima Darjah Kebesaran daripada Pemangku Sultan Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Dato' Abdul Halim menyifatkan pengurniaan pingat Dato' sebagai satu penghormatan kepada KKSM dan seluruh kepimpinan anggota gabungan KKSM.



*Datuk Abdul Halim Mansor menerima pingat Datuk daripada Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.*

## **MRC MTUC CONDUCTED TRAINING SESSION FOR NEPAL, BANGLADESH WORKERS IN KLUANG**



*MRC MTUC conducting one-day training at Kluang.*

**KLUANG:** Malaysian Trades Union Congress (MTUC) organised training session on 18 December 2017 here for migrant workers from Nepal and Bangladesh.

The one-day training focused on Employment Act 1955, joining trade unions and organising workers and awareness on rights of migrant workers.

A total number of 21 male workers from Nepal and Bangladesh attended this training.



## **BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH**



Saat kemenangan pemilihan pada November 2016.

**KONGRES** Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM) ditubuhkan pada tahun 1949 dengan objektif untuk melakukan segala-galanya untuk mempromosi kepentingan anggota gabungan atau apa juga manfaat demi kepentingan pekerja ketika itu, pada hari ini dan untuk melahirkan pekerja-pekerja relevan di dunia pada masa depan. Sejak itu, di antara pencapaian yang lain, kita pernah memiliki pemimpin-pemimpin unggul yang telah memimpin pekerja di dalam dan luar negara dalam mencapai matlamat kita, penyertaan awam, menyuarakan aspirasi pekerja Malaysia yang pelbagai. upah minimum, lanjutan umur persaraan dan banyak lagi perlindungan sosial yang diperlukan.

Kongres adalah satu-satunya suara pekerja Malaysia di kedua-dua forum lokal dan antarabangsa. Kongres adalah organisasi payung, mempunyai peranan yang lebih penting dan dinamik untuk memastikan Kesatuan-kesatuan dapat berfungsi sesuai dengan tujuan mereka dan demi kepentingan pekerja yang menjadi tulang belakang setiap negara yang layak mendapatkan ganjaran adil dari kurniaan Malaysia tanpa diskriminasi. Keseluruhannya, KKSM di samping objektifnya, memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Kita mempunyai kira-kira 15 juta tenaga kerja Malaysia dan dianggarkan enam juta pekerja asing yang sah dan tidak sah dengan jumlah penduduk sekitar 31 juta orang.

Maka, perlu ada penilaian menyeluruh mengenai sama ada majikan dan kerajaan mengamalkan dasar hubungan buruh yang positif dengan mengiktiraf kepentingan tenaga kerja, dengan cara menyediakan kemudahan pampasan, faedah, kebajikan dan syarat pekerjaan. Adalah penting kerajaan, majikan dan pekerja mengguna pakai falsafah hubungan buruh yang positif yang membolehkan semua pihak berkepentingan sama-sama memanfaatkan ekonomi dan kekayaan negara.

Dalam proses ini, kita telah menyaksikan beberapa majikan yang sekian lama mewujudkan situasi tidak wajar dengan niat mahu melemahkan kesatuan bagi mengeksploitasi pekerja. Perlu ditekankan konspirasi tersebut akan menyebabkan hubungan tegang yang menyebabkan ketidakpercayaan, ketidaksetiaan dan kekecewaan di kalangan pekerja, akhirnya bukan sahaja akan menjejaskan hubungan perusahaan tetapi juga memberi kesan kepada produktiviti dan keuntungan syarikat, yang tidak dapat dipulihkan dengan mudah.

Dalam konteks itu, dengan mengambil kira kesan keseluruhan ke atas negara, kerajaan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk menggalak dan memberi kesedaran kepada majikan dan kesatuan mengenai kepentingan kesatuan buruh dan meletakkan polisi yang mencukupi bagi majikan untuk mempertimbangkan kesatuan sebagai rakan kongsi dalam proses tetapi tidak sebagai lawan. Begitu juga, Kerajaan juga perlu memaparkan pendekatan yang seimbang dan telus pada setiap masa dalam menangani perkara-perkara berkaitan majikan, pekerja dan kesatuan dan terlibat dalam dialog sosial yang kerap dengan semua pihak yang berkepentingan untuk memastikan kemajuan ekonomi negara.

### **MEWUJUDKAN KETAKUTAN DALAM MINDA PEKERJA**

Berulang kali kerajaan dan majikan telah mengutarakan sentimen bercampur berkaitan dengan kesan Revolusi Industri Ketiga dan Keempat, dan impaknya terhadap pekerja dan negara. Kesan akibat daripada digitalisasi, automasi, robotisasi, kepintaran buatan telah dinyatakan memandangkan keperluan perubahan dalam gaya hidup pekerja dan etika kerja mereka disebabkan kemungkinan kehilangan kerja.

Sebaliknya, kita juga telah menyaksikan sentimen yang dinyatakan dalam kewujudan kerja-kerja baharu. Secara semula jadi, sentimen ketakutan telah menyebabkan para pekerja membantah ledakan teknologi yang mana kerajaan dan majikan bertanggungjawab. Oleh itu, adalah penting sebelum pengenalan teknologi di tempat kerja dialog yang bermakna dengan pihak berkepentingan perlu dilakukan supaya Kesatuan juga boleh membincangkan bagaimana teknologi boleh membantu dan memuji pekerja dalam meningkatkan produktiviti syarikat.





Oleh itu, adalah penting sebelum pengenalan teknologi di tempat kerja dialog yang bermakna dengan pihak berkepentingan perlu dilakukan supaya Kesatuan juga boleh membincangkan bagaimana teknologi boleh membantu dan memuji pekerja dalam meningkatkan produktiviti syarikat.

Perlu diakui bahawa objektif untuk terlibat dalam dialog tidak hanya bermaksud menentang teknologi tetapi untuk memastikan teknologi tidak diperkenalkan kepada pekerja pengganti sejak digitalisasi tidak dapat berfungsi secara terpisah tanpa sokongan manusia.

Dianggarkan 47% daripada pekerjaan Amerika Syarikat berisiko kerana automasi dan dalam keadaan seperti itu, bagaimana seseorang boleh menerima kumpulan besar rakyat yang tiada kerja akibat kedatangan teknologi baharu.

Dalam konteks di atas, peta jalan yang bersesuaian di peringkat kebangsaan dan industri perlu disediakan dengan penglibatan berkesan dan bermakna semua rakan kongsi sosial, dengan tumpuan khusus pada aspek latihan mencukupi dan kemahiran, yang pada akhirnya akan menangani ketidakcocokan bakat dan kerapian yang kerap berlaku akibat kemajuan teknologi yang menetapkan keadaan tanah untuk mengubah minda positif.

Malangnya, kita tidak menyaksikan pelaburan yang mencukupi untuk latihan dan meningkatkan kemahiran masa depan pekerja. Majikan enggan memberi peluang latihan atas alasan umum bahawa pekerja tidak dapat dilepaskan kerana keperluan operasi dan akibatnya pekerja dipersalahkan tidak kompeten dan diganti dengan pekerja asing yang mengaku memiliki kemahiran. Ini adalah satu strategi yang sistematik untuk melemahkan rakyat Malaysia dengan harapan untuk memperkaya individu tertentu.

Perlu diingatkan, kegagalan di pihak semua yang terlibat dalam dialog yang bermakna dan menyediakan latihan yang mencukupi akhirnya akan membawa kepada masyarakat yang mengalami sentimen negatif seperti peningkatan pengangguran, rasuah, penipuan, pencurian, rompakan dan pembunuhan hanya untuk meneruskan kehidupan, keserakahan, cemburu, penyalahgunaan bakat, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

#### **SUDAHKAH KESATUAN SEKERJA DAN KKSM BERSEDIA UNTUK HADAPI CABARAN?**

Di sebalik perubahan pesat yang berlaku di tempat kerja, para pemimpin kesatuan mempunyai peranan penting untuk meminimumkan kesan buruk. Dalam melaksanakan peranan itu, sementara para pemimpin perlu memiliki pengetahuan yang mencukupi mengenai perkembangan yang kerap berubah dan cara untuk mengatasi perkembangan sedemikian demi memperbaiki baik keadaan pekerja, mereka perlu berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang luas dengan para ahli.

Pekerja-pekerja Malaysia juga harus ghairah untuk meningkatkan pengetahuan dalam menghadapi cabaran mempertingkatkan kehidupan mereka supaya tidak ada pekerja yang akan ketinggalan kerana mereka mempunyai bahagian yang saksama dari segi ekonomi. Begitu juga, perlu ditekankan bahawa berkongsi kurniaan pertumbuhan negara tidak akan jatuh dengan sendiri ke pangkuan masing-masing. Kesatuan-kesatuan sekerja perlu disatukan untuk mencapai matlamat tersebut.

Dalam menekankan keperluan itu, kesemua kesatuan, pemimpin dan ahli perlu berganding dengan keseluruhan pekerja tidak kira tempatan atau asing, mesti bergabung dan bekerjasama untuk memberi tumpuan terhadap pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan setiap pekerja.

Setiap pekerja negara ini mesti diingatkan bahawa sebagai tambahan kepada pekerja sedia ada yang sudah pun diberhentikan, sekitar 200,000 graduan setiap tahun memasuki pasaran kerja dan daripada mereka hampir 50,000 menganggur setiap tahun.

Pada masa yang sama, banjir pekerja asing secara berterusan tanpa sebarang usaha pengurangan dan kerajaan kini dengan berani membawa masuk pekerja asing untuk menampung keperluan 100% kilang.

Secara tradisinya, kekuatan Kesatuan bergantung kepada bilangan ahli, komitmen anggota ke arah kegiatan kesatuan serta yuran keahlian. Di samping itu, perpaduan, kebebasan kesatuan dan tanggungjawab semua pemimpin dan ahli juga mempengaruhi kekuatan kesatuan sekerja.

Tanpa perkara-perkara di atas, para pekerja tidak akan ada keyakinan atau kepercayaan terhadap kesatuan sekerja sebagai badan yang mewakili mereka.

Kita menyaksikan banyak kesatuan yang berjuang untuk mendapatkan pengiktirafan. Sesetengah kesatuan juga tidak dapat melaksanakan kewajipan utama mereka untuk melindungi kepentingan anggota mereka, sekali gus mendorong mereka untuk berkompromi dengan majikan.

Dalam situasi sedemikian, pemimpin kesatuan mempunyai peranan yang besar untuk menyatukan pasukan. Mereka tidak harus menyebarkan gosip dengan menghina dan menanam kebencian dan cemburu dalam kalangan kesatuan dan pemimpin tertentu, yang akhirnya akan menyebabkan perpecahan dalam kesatuan dan dalam kalangan pemimpin yang memudahkan pihak ketiga eksploitasi pekerja dengan mudah.



Ada yang bercadang untuk menyingkirkan pemimpin kesatuan yang dipilih secara sah atas alasan-alasan yang tidak munasabah dan pihak tertentu sengaja menjejaskan kesatuan yang berjaya memenuhi harapan ahli mereka dengan niat jahat.

Pihak-pihak terbabit yang mempunyai niat jahat perlu sedar bahawa kesatuan dan pekerja pada hari ini menghadapi cabaran yang serius disebabkan oleh ketidakpastian yang timbul akibat sikap tamak korporat yang mencetuskan masalah sosial yang teruk kepada 80% pekerja di negara ini.



Kita telah berhadapan dengan kepimpinan yang tidak bersatu hati dalam menangani masalah pekerja dan bagaimana pekerja mengalami kerugian akibatnya. Kita tidak boleh mengelak bahawa jika kita terus berfungsi dalam modus operandi sama, yang telah wujud selama 25 tahun yang lalu, nasib pekerja akan semakin buruk.

Dalam tempoh kritikal Revolusi Perindustrian 4.0 susulan Revolusi Industri Digitalisasi 3.0, kita mesti membuat lompatan kuantum pada diri kita untuk kekal relevan bagi mempromosikan aspek perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja di Malaysia.

Kita mesti membuang kesemua sikap kolonial prinsip pecah dan bahagi yang diamalkan, yang sama sekali tidak harus berada dalam kamus kesatuan sekerja, sikap menuding jari, membantah dengan niat untuk memecat pemimpin di dalam dan di luar tanpa asas, mewujudkan puak dalam KKSM, memboikot aktiviti kesatuan sekerja, dan cuba menanam kebencian di kalangan pekerja.

Semua pemimpin dan pekerja mesti sedar bahawa dalam era digitalisasi ini, ciri-ciri di atas sudah pasti akan melemahkan kekuatan KKSM dan akhirnya pekerja-pekerja negara ini akan terus menjadi hamba kepada dasar pecah dan bahagi pihak yang kuat dan berkuasa.

Oleh itu, semua harus tampil tanpa was-was untuk melindungi imej dan kekuatan KKSM bagi melaksanakan fungsinya dengan berkesan ke arah mencapai matlamat mulia tanpa rasa takut atau memihak demi pekerja, meningkatkan taraf hidup mereka dan menjadi Pusat Tenaga Kerja yang bermakna untuk semua Pekerja di negara ini.

Marilah kita meletakkan semua bagasi 'buruk' kita di belakang dan bergerak maju demi KKSM yang lebih baik!

Kita mesti ada sikap ghairah untuk membina perpaduan demi memastikan hasil negara ini dikongsi secara adil supaya kita boleh bekerja dan hidup harmoni dengan penuh bermaruah dalam tahun-tahun mendatang.

**Hidup KKSM! Hidup Pekerja! Hidup Malaysia!**